

Dr. Musa Naib Canselor baharu USIM



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
USIM
ISLAMIC UNIVERSITY OF MALAYSIA



MUSA

KUALA LUMPUR - Kementerian Pendidikan semalam mengumumkan pelantikan Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baharu berkuat kuasa mulai 16 Ogos 2014 hingga 15 Ogos 2017.

Pemilihan Musa sebagai Naib Canselor USIM adalah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh kementerian di samping pengalaman beliau sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM.

"Kementerian Pendidikan berpandangan bahawa beliau merupakan calon yang sesuai untuk meneruskan

pelan Strategik USIM 2013-2025 dan amat memahami visi serta misi USIM yang berteraskan gabungan aqli dan naqli.

"Pelantikan beliau merupakan kesinambungan kepada asas yang diletakkan oleh bekas Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail.

"Justeru, Kementerian Pendidikan meletakkan harapan yang tinggi agar pencapaian USIM dapat dipertingkatkan menerusi pemantapan barisan kepimpinan dan organisasi, kualiti staf akademik, kualiti pembelajaran dan pengajaran, pembangunan ilmu sains, teknologi dan perubahan berteraskan konsep Islam

serta meningkatkan bilangan pengiktirafan komuniti Islam antarabangsa," kata Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan semalam.

Musa yang berasal dari Muar, Johor mempunyai ijazah sarjana muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia, sarjan sains dalam bidang *Instrumentation and Analytical Science* dari University of Manchester dan dianugerahkan doktor falsafah dalam bidang *Optical Fibre Chemical Sensor* oleh University of Manchester.

Beliau juga mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran universiti. - Bernama